



Kepada:
Editor
Forum, Berita Harian

21 Jul 07

PERLU BERPANDUKAN ASATIZAH, BUKAN KITAB SAJA

Kami merujuk kepada maklum balas Encik Ismail Saad di ruangan ini pada 11 Julai 2007 (*Cara pupuk ajarn Islam yang benar dan semasa*).

Sebagaimana yang telah diketengahkan, masyarakat Islam perlu memahami agama Islam berdasarkan Al-Quran dan Hadis mengikut konteks kehidupan masa kini. Namun dalam memahami asas agama Islam langsung dari isi Al-Quran dan Hadis Baginda Rasulullah s.a.w., seseorang itu perlu benar-benar mahir dalam pelbagai ilmu pengetahuan, khususnya ilmu-ilmu yang bersangkutan dengan Al-Quran dan Hadis Baginda Rasulullah s.a.w.

Oleh kerana itu, di samping merujuk kepada buku-buku tafsir dan Hadis, masyarakat umum perlu dibimbing oleh asatizah yang layak dan mahir dalam bidang tersebut. Ini adalah kerana kitab-kitab ini perlu dikupas dan dijelaskan agar mampu menjadi panduan masyarakat dalam kehidupan masakini, khususnya dalam zaman yang pesat berubah dengan banyaknya isu-isu baru.

Oleh itu, masyarakat tidak cukup hanya merujuk pada terjemahan atau tafsiran Al-Quran serta syarah Hadis dengan sendiri tetapi perlu mendapatkan panduan dan tunjuk ajar dari para asatizah yang bertauliah di kelas-kelas yang sedia ada.

Untuk itu, pihak Muis telah menyediakan senarai asatizah yang diiktiraf agar masyarakat dapat merujuk kepada mereka dalam masalah agama, termasuk dalam memahami isi kandungan Al-Quran dan Hadis, dan juga senarai kitab-kitab tafsir dan Hadis yang boleh dirujuk.

Selain dari itu juga, dalam usaha membentuk Identiti Muslim Singapura, Muis sedang giat mengusahakan satu sistem pendidikan Islam menyeluruh yang merangkumi setiap lapisan umur dari peringkat kanak-kanak hingga ke peringkat dewasa. Melalui Sistem Pendidikan Islam Singapura (SIES) ini, Muis berharap agar dapat membentuk masyarakat Islam yang berprinsip serta memahami Islam dengan mendalam dan mampu mengharungi kehidupan masakini dengan penuh keyakinan.

Namun, segala pendekatan dan langkah yang diatur ini, perlulah mendapat sambutan dan sokongan padu masyarakat. Oleh itu, kami amat menghargai pandangan yang telah diberikan dan kami mengalu-alukan seruan yang serupa yang mengajak ke arah pemahaman Islam yang lebih mendalam dan penghayatan amalan agama yang lebih progresif.

Ustaz Nazirudin Mohd Nasir
Ketua
Pejabat Mufti
Majlis Ugama Islam Singapura (Muis)

